

BAHAGIAN A [40 markah]

Arahan: *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu A, B, C dan D. Pilih jawapan yang paling tepat.*

1. Bagaimanakah sikap murid yang amanah?
A Membantu menyiapkan tugas rakan
B Menjaga wang persatuan dengan baik
C Menceritakan kisah rakan kepada guru kelas
D Menyimpan baki wang yang diberikan oleh ibu tanpa pengetahuannya

2. Mengapakah kita perlu menjaga kebersihan tempat awam?
A Udara di tempat awam lebih segar dan bersih
B Tempat awam merupakan tempat untuk berehat dan beriadah
C Mengelakkan daripada berlakunya kerosakan
D Mendapatkan pujian daripada orang ramai

3.

Nilai P – Usaha berterusan, semangat ketekunan, kecekalan, kegigihan, dedikasi dan berdaya maju dalam melakukan sesuatu perkara

Pernyataan yang berkaitan dengan nilai P di atas ialah

 - I Alice melaksanakan segala tugas dengan bersungguh-sungguh
 - II Fahmi berazam untuk lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan
 - III Suzie menyiapkan kerja-kerjanya dengan bertanggung-tanggung masa
 - IV Gee lebih suka meniru tugas rakannya daripada menyiapkannya sendiri

A I dan IV
B I dan II
C II dan III
D II dan IV

4. Seseorang yang menyayangi diri sendiri akan
A mengambil pil penenang
B memakan makanan yang tidak berkhasiat
C mengabaikan kesihatan apabila sakit
D bersenam dan mengamalkan gaya hidup sihat

5. Pernyataan berikut melambangkan keadilan dalam keluarga, kecuali
A setiap anggota keluarga perlu diberi peluang untuk menyatakan pendapat dalam perbincangan keluarga
B sekiranya ibu bapa tidak mampu untuk memberi sesuatu secara sama rata, pilihlah anak yang paling disayangi
C ibu bapa boleh membuat pembahagian tugas kepada setiap anggota keluarga agar masing-masing dapat menyumbangkan peranan
D keputusan tentang pendidikan anak-anak perlu mengambil kira kemampuan dan minat mereka

6. Ariana menerima panggilan telefon daripada seseorang yang memberitahu ayahnya terlibat dalam kemalangan. Beliau mengatakan bahawa sebuah kereta akan datang menjemput Ariana untuk ke hospital dalam masa 10 minit. Apakah tindakan Ariana jika dia berfikir berdasarkan alasan dan bukti yang nyata?


A Bersiap-siap untuk pergi ke hospital
B Menganggap lelaki tersebut sedang bergurau
C Meninggalkan pesanan kepada ibu yang tiada di rumah
D Menelefon hospital untuk mengesahkan perkara tersebut

7. Mengapakah amalan mengekalkan tradisi kekeluargaan perlu diterapkan sejak kanak-kanak lagi?
A Agar mereka berfikiran matang
B Agar mereka bersikap individualistic
C Agar mereka mengenal siapa diri mereka yang sebenar
D Agar mereka tidak bersikap biadab terhadap orang tua kelak

8. Berikut merupakan usaha-usaha pemuliharaan alam sekitar, kecuali
A menggunakan sumber alternatif yang mesra alam
B mewartakan hutan simpan dan taman negara
C menanam semula pokok-pokok yang telah ditebang
D meneroka lebih banyak hutan untuk tujuan pembangunan

9. Apakah yang dimaksudkan dengan cinta akan negara?
- Perasaan sayang dan bangga kepada negara seta meletakkan kepentingan negara melebihi kepentingan sendiri
 - Kerelaan melakukan atau menyerahkan sesuatu termasuk negara sebagai tanda kebaktian untuk negara
 - Kepatuhan dan kesetiaan yang berkekalan kepada raja dan negara
 - Menghormati raja serta lambang-lambang kebesaran negara
10. Berikut merupakan lambang yang terdapat pada Jata Negara
- Jalur Gemilang
 - sebuah perisai
 - dua ekor harimau
 - mahkota
- I dan III
 - II dan III
 - III dan IV
11. Andaikan negara anda diserang musuh. Apakah tindakan yang perlu anda lakukan?
- Melarikan diri ke negara lain
 - Menentang musuh habis-habisan
 - Menyerah diri kepada pihak musuh
 - Menyembunyikan diri di tempat yang sukar ditemui
12. Seseorang yang menunjukkan sikap berkorban untuk negara akan
- Menyertai pasukan keselamatan
 - Sanggup menentang musuh negara habis-habisan
 - Menyerah diri kepada pihak musuh
 - Memperkecil-kecilkan kemampuan pemimpin negara
- I dan II
 - I dan III
 - I dan IV
 - II dan IV

Soalan 13 hingga 15 berdasarkan rajah di bawah



13. Semua yang berikut merupakan ciri-ciri nilai Q kecuali
- Keistimewaan harta benda
 - Keistimewaan pengagihan tugas
 - Keistimewaan penjagaan maruah diri
 - Keistimewaan mendapat layanan yang baik
14. Pernyataan yang sesuai dengan nilai Q ialah
- Sifat kelembutan wanita bukan penghalang daripada mendapat keistimewaan harta benda
 - Sifat kelembutan wanita bukan penghalang daripada mendapat keistimewaan pengagihan tugas
 - Sifat kelembutan wanita bukan penghalang daripada mendapat keistimewaan kenaikan pangkat
 - Sifat kelembutan wanita bukan penghalang daripada mendapat keistimewaan membeli-belah
15. Nilai Q ialah
- Melindungi hak pekerja
 - Menghormati hak golongan kurang berupaya
 - Menghormati hak wanita
 - Melindungi hak kanak-kanak
16. Mengapakah orang kurang berupaya memerlukan bantuan daripada kita yang sempurna?
- Agar hidup mereka selesa
 - Untuk mengurangkan beban yang ditanggung
 - Boleh mengurangkan cukai pendapatan tahunan
 - Supaya dikenal sebagai orang yang budiman


17. Mengapakah setiap pengguna perlu mengetahui hak-hak mereka?

- A Untuk mengelakkan pengguna daripada ditipu
- B Bagi menakutkan penjual dan pengedar
- C Supaya pengguna mendapat harga yang murah
- D Supaya penjual diberkas apabila menipu pengguna

18. Apakah kepentingan mengamalkan sikap keterbukaan kepada diri?

- A Dapat memperbaiki kelemahan diri
- B Dapat menjaga air muka
- C Mampu mewujudkan suasana yang tegang
- D Akan menerima pujian daripada orang lain

Soalan 19 dan 20 berdasarkan rajah di bawah.



19. Nilai R adalah berkaitan dengan

- A hidup bersama secara aman
- B saling menghormati antara negara
- C kebebasan bersuara
- D saling membantu dan bekerjasama

20. Definisi Nilai R ialah

- A Menerima, menghormati dan mengamalkan sesuatu kebiasaan, adat dan kepercayaan yang diwarisi secara turun-temurun dalam keluarga
- B Keadaan saling memerlukan hubungan yang harmonis antara manusia dengan alam sekeliling supaya kualiti kehidupan manusia dan alam sekeliling terpelihara
- C Usaha yang baik dan membina yang dilakukan bersama pada peringkat individu, komuniti atau negara untuk mencapai sesuatu matlamat
- D Kebebasan berucap dan mengeluarkan fikiran dengan batasan tertentu bagi menjaga keselamatan dan ketenteraman

Bahagian B [40 markah]

Arahan: Baca pernyataan-pernyataan di bawah dan nyatakan nilai yang sesuai.

	Nilai	Pernyataan
1.		Amy tidak pernah menyalahgunakan tanggungjawab yang telah diberikan kepadanya.
2.		Para pelajar di SMK Perempuan sentiasa beratur semasa membeli makanan di kantin sekolah.
3.		Encik Kwan menaikkan pangkat Puan Sally kerana berpuas hati dengan prestasi kerjanya.
4.		Ferina mengirinkan sebahagian daripada wang gajinya ke kampung pada setiap bulan bagi meringankan beban ibu bapanya.
5.		Sempena dengan Bulan Kemerdekaan, Encik Shan telah mengibarkan Jalur Gemilang di rumah kediamannya.

[10 markah]

Arahan: Tandakan jika betul dan jika salah bagi pasangan nilai dan ciri di bawah.

	Nilai	Ciri	<input checked="" type="checkbox"/> atau <input type="checkbox"/>
6.	Kebebasan bersuara	Kebebasan menyatakan perasaan	
7.	Mematuhi peraturan dan undang-undang	Menghormati segala peraturan di rumah dan di sekolah	
8.	Penglibatan diri dalam pembangunan negara	Keperluan kebebasan bersuara memupuk kesejahteraan hidup bermasyarakat	
9.	Kebebasan bersuara	Menghormati amalan pelbagai agama	
10.	Penglibatan diri dalam pembangunan negara	Usaha melibatkan diri dalam aktiviti anjuran sekolah	

[10 markah]

Arahan: Isi tempat-tempat kosong di bawah dengan jawapan yang sesuai.

Nilai taat setia kepada Raja dan Negara ialah **(11)**_____.

Oleh itu, kita seharusnya menyedari akan kepentingan **(12)**_____ dan

(13)_____ identiti negeri dan negara seperti bendera, jata dan Lagu Kebangsaan serta Lagu

Negeri. Ini akan mewujudkan kesedaran tentang nilai **(14)** _____,

iaitu kerelaan melakukan atau menyerahkan sesuatu termasuk nyawa sebagai tanda kebaktian untuk negara.

Justeru itu, kita sebagai rakyat Malaysia seharusnya sanggup berkorban **(15)** _____ dan raga untuk

negara.

[10 markah]

Arahan: Berikan maksud nilai-nilai di bawah.

16. Mengekalkan tradisi kekeluargaan

17. Melindungi hak pekerja


18. Melindungi hak pengguna

19. Mematuhi peraturan dan undang-undang

20. Kebebasan beragama

[10 markah]

Bahagian C [20 markah]



(a) Huraikan nilai yang diamalkan oleh Lee Ling.

[12 markah]

- (b) Berikan dua tingkah laku yang menunjukkan Lee Ling mengamalkan sikap menghormati agama lain sebagai suatu amalan.

[4 markah]

- (c) Berikan dua faedah yang diperoleh Lee Ling jika mengamalkan semangat kejiranan.

[4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT